

07 MAR 2000

Sanggang-Calon

SANGGANG: CALON DIKEMUKAKAN SELEPAS LAWATAN PM KE INDONESIA

KUANTAN, 7 Mac (Bernama) -- Nama calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang akan dikemukakan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno sekembalinya beliau dari lawatan ke Indonesia.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob berkata ini berikutan permintaan daripada Umno Bahagian Mentakab yang meminta tempoh beberapa hari lagi untuk menyenaraikan calon-calon yang difikirkan layak.

Beliau memberitahu pemberita di sini hari ini bahawa calon BN itu kelak akan merupakan seorang yang berwibawa, dapat diterima semua dan mampu menewaskan calon pembangkang pada pilihan raya kecil itu nanti.

Dr Mahathir dijadual memulakan lawatan dua hari ke Indonesia Khamis ini.

Kerusi Dewan Undangan Negeri Sanggang kosong berikutan kematian anggota Exco Kerajaan Negeri Datuk Abdullah Kia pada 26 Feb akibat serangan angin ahmar.

Adnan berkata beliau memberikan taklimat kepada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam mengenai kekosongan kerusi itu.

MT turut melantik Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob untuk mengetuai Jawatankuasa Pusat BN manakala Adnan pula sebagai Pengarah Pilihan raya BN.

Beliau berkata dalam pertemuannya dengan anggota-anggota Umno Bahagian Mentakab baru-baru ini, beliau mengingatkan mereka bahawa sesiapa sahaja yang menjadi calon pada pilihanraya itu nanti perlu diberikan sokongan padu bagi memastikan BN kekal menguasai DUN Sanggang.

Katanya, esok beliau akan menemui pemimpin-pemimpin parti komponen BN Pahang memandangkan kempen akan dijalankan dalam dua peringkat iaitu pra-penamaan calon dan pra-pilihanraya.

-- BERNAMA

ROS FAZ